



Analisis Isu-isu Berkaitan Hak dan Permasalahan Orang Kurang Upaya di Malaysia: Satu Sorotan Literatur

Analysis on Issues Related to Rights and Difficulties of People with Disabilities in Malaysia: A Literature Review

NUR DAYANA MOHD KHALIL

(Corresponding Author)

MUHAMMAD SHABERI

DAYANG PUTERI NAZIRAH IZHAR

AZIZAH MAT RASHID

AZIZAH MOHD RAPINI

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Bangi Selangor

ayanatur23@gmail.com

muhammad_shaberi@yahoo.com

nazirahsb97@gmail.com, azizahrashid@kuis.edu.my,

azizah@kuis.edu.my

Isu-isu Orang Kelainan Upaya (OKU)

33

Submitted: 31 March 2022

Revised: 22 April 2022

Accepted: 27 April 2022

E-Published: 30 April 2022

ABSTRAK

Orang Kurang Upaya (OKU) adalah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat. Golongan OKU mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU. Kajian berkaitan OKU adalah penting bagi menjamin golongan OKU untuk mendapat hak dan keperluan yang sama rata dengan golongan normal dan bagi memastikan hak-hak golongan OKU tidak diabaikan. Objektif penulisan ini ialah untuk menganalisis kajian-kajian berkaitan hak dan permasalahan golongan OKU di Malaysia. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan data-data diperolehi secara kajian perpustakaan dengan menganalisis artikel-artikel berkaitan dengan kajian golongan OKU. Kajian mendapati bahawa kebanyakan kajian melibatkan OKU sangat menitikberatkan aspek fasiliti dan kemudahan bagi golongan OKU.

Kata Kunci: Orang Kurang Upaya (OKU), Hak, Kesamarataan, Keperluan





ABSTRACT

People with Disabilities (PWDs) are people who have with long-term physical, mental, intellectual or sensory disabilities. When faced with various obstacles, they may not be able to participate wholly and effectively in society. People with disabilities have equal rights and opportunities to live their life like other members of society. Rights-based approaches and protection should be used to ensure the interests and well-being of the disabled. Studies related to the disabled are important to guarantee their rights and needs equally as to the normal people have and those rights are not neglected. The objective of this paper is to analyse of studies related to the disabled in Malaysia. This study is a qualitative study and the data are obtained through library research by analysing articles related to the study of the disabled. It is found that most of the studies involving the disabled place great emphasis on the aspects of facilities and amenities for the disabled.

Keywords: People with Disabilities (PWDs), Rights, Equality, Needs

PENGENALAN

Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan individu yang tidak mempunyai hak yang sama dengan golongan normal dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan kesihatan (Mohd Sahriman, 2020). Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 (Akta 685) telah diwujudkan di bawah undang-undang Malaysia, mengiktiraf golongan OKU supaya berhak diberi perlindungan dan peluang dalam keadaan sama rata tertakluk kepada batasan dan perlindungan bagi golongan OKU. Akta tersebut juga mengiktiraf kerjasama badan kerajaan dengan badan bukan kerajaan bagi memastikan penyertaan penuh pihak-pihak berkaitan. Contohnya, pihak kerajaan dan swasta berganding bahu bagi menyediakan kemudahan dan fasiliti kepada golongan OKU dan memberi perhatian agar fasiliti tersebut dapat memudahkan urusan seharian golongan OKU tanpa ada sikap prejudis terhadap golongan normal.

Terdapat pelbagai terma yang digunakan bagi menggambarkan definisi OKU. Antaranya, OKU akan dirujuk sebagai 'orang kelainan upaya' kerana terma tersebut lebih mudah difahami. Hal ini turut diketengahkan oleh Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Professor Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak. Menurut beliau dalam keratan akhbar Utusan Malaysia (2012) menyatakan bahawa orang kelainan upaya perlu dinilai dengan cara yang betul kerana yang berbeza bukanlah dari segi fizikalnya tetapi keupayaannya disebabkan sesuatu yang semula jadi ataupun disebabkan sesuatu yang tidak diingini. Golongan OKU berhak untuk dinilai berdasarkan keupayaannya disebabkan kelainan keupayaan mereka berbeza dengan masyarakat yang normal.

Berdasarkan Akta OKU 2008, OKU ialah golongan yang menghadapi kekurangan dalam jangka masa yang panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang boleh menghalang mereka daripada berinteraksi dengan masyarakat secara sempurna (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017). Disebabkan itu, golongan OKU sangat memerlukan sokongan dan keprihatinan daripada masyarakat normal agar

mereka boleh menjalani kehidupan dengan selesa. Ini kerana, golongan OKU juga merupakan masyarakat yang mempunyai hak yang sama dalam menjalani kehidupan seperti masyarakat normal yang lain tanpa mengira jantina, kaum, dan agama. Justeru, golongan OKU sememangnya berhak untuk mendapatkan hak sama rata seperti masyarakat normal seperti hak kemudahan awam, peluang pekerjaan, aksesibiliti, bersosial dan pendidikan (Rosli et al. 2015).

Di Malaysia, golongan OKU merupakan golongan minoriti yang sangat diberi perhatian oleh badan kerajaan dan swasta untuk diberikan kemudahan yang terbaik. Kebajikan terhadap golongan OKU sentiasa menjadi keutamaan pihak kerajaan mahupun swasta agar tidak menindas mereka daripada mendapat hak yang sepatutnya. Banyak usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi memastikan hak golongan OKU tidak diketepikan seperti menyediakan kemudahan awam yang sesuai dengan golongan OKU agar memudahkan aktiviti harian golongan OKU. Oleh itu, kajian berkaitan OKU perlu terus dilakukan secara konsisten agar keperluan OKU seiring dengan pembangunan negara.

PERNYATAAN MASALAH

Golongan OKU mempunyai hak untuk menjalani kehidupan seperti masyarakat normal dan keperluan mereka perlu diberi perhatian supaya mereka mendapat hak sama rata. Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik (ESCAP, 2012) menyatakan bahawa isu-isu berkaitan dengan golongan OKU perlu diberi perhatian dan penekanan supaya golongan OKU dapat menikmati hak-hak dan keistimewaan serta dapat menyertai masyarakat normal dengan sepenuhnya.

Dipetik dari akhbar dalam talian Berita Harian (2021), kenyataan daripada Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang dipengerusikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rina Mohd Harun meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membincangkannya secara terperinci dan melihat kesesuaiannya dalam usaha meningkatkan kefahaman penjawat awam dan ketua jabatan mengenai hak dan penglibatan OKU dalam masyarakat supaya golongan ini mendapat perhatian yang sepatutnya. Langkah kerajaan mewajibkan stesen televisyen (TV) menggunakan khidmat jurubahasa isyarat (JBI) pada siaran berita seperti yang dinyatakan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dalam pembentangan Bajet 2022, baru-baru ini mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk stesen TV swasta. Ia disifatkan sebagai suatu usaha yang positif supaya golongan OKU tidak ketinggalan dalam mendapatkan maklumat melalui media dan mereka akan mengetahui informasi terkini.

Menurut Ahli Dewan Negara mewakili OKU, Senator Datuk Ras Adiba Radzi (2021) menyatakan bahawa penyediaan kuota khas OKU bagi program MyStep dalam Bajet 2022 akan membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan OKU. Beliau juga berkata, kemudahan tersebut akan memberikan pekerjaan serta memastikan kelangsungan hidup golongan OKU. Beliau turut menyatakan bahawa



kerajaan wajar mempertimbangkan kenaikan elaun golongan OKU bagi membantu mengurangkan bebanan kos hidup mereka terutama kepada individu yang tidak dapat aktif bekerja. Cadangan itu juga sering dikemukakan oleh beliau ketika berada di persidangan Dewan Negara.

Akta 2008 banyak membantu golongan OKU, namun, Akta 2008 dilihat boleh ditambah baik kerana walaupun memberikan pelbagai hak atau hak akses kepada OKU, ia adalah lemah dari segi penguatkuasaan (Astro Awani, 14 Julai 2018). Di samping itu, sistem infrastruktur mesra orang kurang upaya mempunyai kelemahan besar, walaupun hak akses disediakan oleh Perkara 26 Akta 2008. Inilah antara faktor yang menyebabkan golongan OKU masih tidak dapat menjalani kehidupan dengan sempurna seperti golongan normal yang lain. Oleh itu, setiap infrastruktur terhadap golongan OKU perlu ditambah baik supaya hak mereka untuk menjalani kehidupan seharian seperti masyarakat normal tidak diketepikan. Justeru, walaupun golongan OKU berbeza dari segi keupayaan tetapi dari segi hak tidak boleh dibezakan.

Kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan berkaitan dengan keperluan dan hak golongan OKU menunjukkan pentingnya golongan OKU diberi perhatian dalam memastikan hak-hak mereka tidak diketepikan. Terdapat seramai 592,856 orang kurang upaya (OKU) yang terdiri daripada dewasa dan kanak-kanak di Malaysia yang berdaftar sehingga 31 Januari 2021 (JKM, 2021). Hal ini menarik minat penulis untuk meneroka sejauh mana kajian berkaitan golongan OKU yang telah dilakukan dengan menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan golongan OKU.

OBJEKTIF KAJIAN

- I. Mengkaji kesamarataan hak terhadap golongan OKU di Malaysia.
- II. Menganalisis kajian-kajian berkaitan dengan golongan OKU di Malaysia.
- III. Mencadangkan kajian-kajian yang relevan berkaitan dengan golongan OKU untuk memastikan mereka memperolehi hak sama rata.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengguna pakai metod pengumpulan data melalui kajian perpustakaan serta analisis kandungan artikel-artikel yang menerangkan kajian berkaitan dengan golongan OKU.

KONSEP KESAMARATAAN HAK INDIVIDU DI MALAYSIA

Konsep hak asasi manusia di dalam Islam sebenarnya merujuk kepada hak-hak yang telah dikurniakan oleh Allah SWT sebagai pencipta kepada manusia sebagai ciptaan-Nya. Ia bukan hasil ciptaan atau buah fikiran manusia tetapi ia dijelaskan oleh Allah di dalam Al-Quran dan melalui utusannya Rasulullah SAW. Istilah hak dalam Islam merujuk kepada dua hak yang utama iaitu hak manusia dan hak Allah. Setiap hak saling melandasi antara satu sama lain (Mahamed Naser, 2012).



Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili (2005) hak asasi manusia ialah himpunan beberapa hak yang dimiliki oleh seseorang yang berkait rapat dengan kewujudan semula jadinya. Hak ini diiktiraf secara universal walaupun ia tidak diiktiraf oleh mana-mana pihak berkuasa. Ia termasuk hak asasi seperti hak untuk hidup, hak untuk kesaksamaan, semua bentuk kebebasan, hak politik dan sivil, hak negara untuk menentukan nasibnya sendiri, hak untuk kemerdekaan, hak untuk mempunyai identiti kebangsaan, dan hak untuk menyatakan pendapat. hak untuk pendapat, hak beragama, hak untuk pendidikan dan pendidikan, hak ekonomi dan sosial, hak harta khas, hak untuk bekerja dan memegang jawatan awam, hak untuk kesihatan dan penjagaan sosial, hak yang dijamin dan dilindungi oleh negara, hak ibu bapa, hak kanak-kanak, hak untuk menjaga remaja dan orang muda, hak untuk keluarga yang sesuai, hak untuk bermastautin dan hak-hak lain.

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang telah wujud selama enam dekad. Kepelbagaian yang ada mesti membawa kepada keharmonian dan kesaksamaan dalam demokrasi. Sekiranya tiada unsur kesaksamaan seperti itu, negara akan menghadapi isu diskriminasi sosial seperti jantina, majoriti melawan minoriti, ekonomi dan juga kewarganegaraan. Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa semua rakyat adalah sama rata di sisi undang-undang. Mereka berhak mendapat perlindungan yang adil dan saksama. Warganegara tidak boleh didiskriminasikan semata-mata atas alasan agama, bangsa, etnik, warna kulit, atau tempat lahir atau jantina. Keadaan ini merujuk kepada hak untuk mendapat layanan yang sama di sisi undang-undang seperti yang termaktub dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, dengan tujuan untuk menjaga hak asasi manusia dan keadilan. Walaupun begitu, kesaksamaan tidak boleh dilabelkan pada semua. Ini kerana tidak semua jenis manusia mempunyai keperluan yang sama. Oleh itu, mereka harus diberikan keadilan mengikut keperluan mereka. Ungkapan adil lebih tepat daripada kesaksamaan.

Bagi membantu golongan OKU, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah menggubal Dasar Orang Kurang Upaya Negara pada tahun 2007. Asas dasar ini adalah memberi pengiktirafan bahawa orang kurang upaya adalah sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai hak dan peluang yang sama untuk hidup seperti ahli masyarakat yang lain. Kaedah yang diguna pakai dalam dasar ini adalah berdasarkan hak dan perlindungan untuk memastikan kepentingan dan kesejahteraan orang kurang upaya (JKM, 2019). Oleh kerana kewujudan dan pelaksanaan Dasar Orang Kurang Upaya pada tahun 2007, rang undang-undang OKU 2008 telah berjaya dilaksanakan. Antara lain, Akta OKU 2008 itu mengiktiraf bahawa orang kurang upaya berhak mendapat peluang dan perlindungan serta bantuan yang sama rata dalam semua keadaan, dan hanya tertakluk kepada sekatan dan hak yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Selain itu, Dasar Orang Kurang Upaya telah mendorong kerajaan melaksanakan pelbagai rancangan dan pelan tindakan untuk membantu golongan OKU di negara ini. Ini termasuk Pelan Tindakan OKU 2016-2022, yang menggariskan sepuluh keutamaan strategik yang digariskan dalam Dasar Kurang Upaya 2007 (JKM, 2019) untuk membantu OKU.

Kewujudan Akta OKU 2008 membuka lembaran baharu kepada golongan OKU di negara ini. Secara tidak langsung, Akta OKU 2008 adalah titik tolak untuk meletakkan OKU di tempat yang betul berdasarkan anjakan paradigma yang diperkatakan oleh Timbalan Menteri Yang Mulia iaitu Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil semasa perbahasan parlimen pada 2007. Namun, tidak dinafikan Akta OKU 2008 seperti "tak bergigi" kerana walaupun memberikan pelbagai hak atau hak akses kepada OKU, ia adalah lemah dari segi penguatkuasaan (Astro Awani, 14 Julai 2018). Di samping itu, sistem infrastruktur mesra orang kurang upaya mempunyai kelemahan besar, walaupun hak akses disediakan oleh Perkara 26 Akta OKU 2008. Inilah antara faktor yang menyebabkan golongan OKU masih tidak dapat menjalani kehidupan dengan sempurna seperti golongan normal yang lain. Oleh itu, setiap infrastruktur terhadap golongan OKU perlu ditambah baik supaya hak mereka untuk menjalani kehidupan seharian seperti masyarakat normal tidak diketepikan. Justeru, walaupun golongan OKU berbeza dari segi keupayaan tetapi dari segi hak, ianya tidak boleh dibezakan.

TINJAUAN KAJIAN LITERATUR BERKAITAN GOLONGAN OKU DARI TAHUN 2016-2021

Aizan Sofian Azmi et al, (2021) dalam kajiannya menjelaskan bahawa terdapat dua bentuk sokongan yang diterima oleh usahawan belia kurang upaya iaitu sokongan bentuk ketara dan sokongan tidak ketara. Sokongan ketara terdiri daripada tiga sokongan iaitu kewangan, pengetahuan (kursus latihan) dan peralatan atau material. Sokongan tidak ketara pula terdiri daripada keluarga, rakan dan kaunselor. Hasil kajian mendapati sokongan ketara dari segi kewangan, pengetahuan dan peralatan lebih banyak diterima oleh usahawan belia kurang upaya berbanding sokongan daripada keluarga, rakan dan kaunselor. Mohd Faizul dan Norizan Ghani (2017) menyatakan dalam kajiannya bahawa kemudahan yang telah disediakan di universiti awam masih memerlukan penambahbaikan. Sebagai contoh, perkhidmatan bas yang disediakan oleh pihak universiti masih kurang mesra OKU dan tiada tempat sukan yang disediakan buat pelajar OKU. Walau bagaimanapun, terdapat kemudahan-kemudahan lain yang memenuhi keperluan pelajar OKU seperti perpustakaan dan bilik kediaman di kolej. Manakala, dalam kajian Ezlin Esa dan Alice Sabrina (2020) yang bertajuk Analisa Kemudahan Orang Kurang Upaya Di Kolej Komuniti telah membuktikan bahawa persepsi pengguna terhadap kemudahan OKU adalah pada tahap sederhana dan perlu tambah baik mengikut kesesuaian dan kehendak pengguna OKU.

Siti Muhibah dan Zetty Nurzuliana (2020) dalam kajiannya merumuskan bahawa keperluan yang berbeza di masjid mengikut jenis OKU itu sendiri perlu penambahbaikan dan perhatian lebih serius supaya prasarana masjid lebih bersifat mesra OKU. Contohnya, OKU penglihatan lebih memerlukan kemudahan seperti laluan penjalan kaki manakala OKU fizikal lebih memerlukan kemudahan seperti tandas, tempat wudu' terutamanya bagi yang berkerusi roda. Antara cabaran untuk melaksanakan kemudahan itu adalah kurangnya kesedaran terhadap masyarakat, kerjasama dari kerajaan, sumber kewangan dan lain-lain. Seiring dengan kajian Nurul Asmak Bakar et al, (2017) yang menyatakan bahawa halangan yang dihadapi oleh OKU penglihatan bagi menunaikan solat adalah di tahap yang tinggi dan antara

halangan yang kerap dihadapi oleh OKU penglihatan ialah kurang prasarana yang disediakan kepada golongan OKU. Walau bagaimanapun, kajian Shahrulanur Mohamer et al, (2020) membuktikan bahawa pengetahuan pengurusan masjid, kemudahan fasiliti dan kondisi fasiliti OKU di masjid-masjid Negeri Sembilan dalam keadaan baik yang menunjukkan mereka faham terhadap keperluan-keperluan golongan OKU di masjid.

Huzailina et al, (2020) dalam kajiannya menjelaskan fasiliti yang disediakan di Stesen Monorel Kuala Lumpur adalah mencukupi bagi masyarakat normal tetapi bagi kemudahan golongan OKU perlu dinaik taraf supaya golongan OKU lebih selesa dalam menggunakan kemudahan tersebut. Ini kerana terdapat kemudahan yang disediakan oleh pihak pengurusan monorel tidak berfungsi dengan baik atau rosak dan tidak dibetulkan dalam tempoh yang lama akibat daripada penangguhan. Menurut Dzul Amin dan Aryani Latiffi (2021), institusi memandu merupakan tempat seseorang untuk mendapatkan lesen memandu bagi masyarakat normal mahupun golongan OKU. Dengan itu, institut memandu perlu menyediakan fasiliti terhadap golongan OKU dengan lengkap. Dapatan kajian merumuskan bahawa faktor-faktor yang menjadi asas kepada penambahbaikan fasiliti ialah kewangan, reka bentuk, dan keperluan. Manakala cabaran yang dihadapi oleh institut memandu dalam menyediakan kemudahan ialah cabaran kewangan, keperluan dan selenggara. Kajian Hazlin Falina dan Safura Ahmad (2017) merumuskan bahawa fasiliti di institusi pengajian tinggi masih berada dalam tahap yang rendah dan fasiliti tersebut perlu dibaiki dan ditambah baik secepat mungkin agar memberikan keselesaan pelajar OKU dalam mendapat pendidikan yang baik.

Kajian Abdul Rauf Rasam et al, (2020) yang bertajuk Aplikasi Mudah Alih Sistem Maklumat Geografi Bagi Penjagaan Kesihatan Orang Kurang Upaya menjelaskan bahawa sistem berasaskan web GIS (*Geographic Information Systems*) ini dijangka dapat memberikan kesan positif kepada golongan OKU serta penjagaan mereka. Dalam masa yang sama, ianya mampu menyediakan medium efisien kepada pekerja penjagaan kesihatan bagi menyalurkan perkhidmatan profesional kepada semua golongan OKU. Aplikasi pemetaan web ini dapat digunakan untuk membolehkan pasukan sokongan perubatan menguruskan permintaan keseluruhan yang diserahkan oleh OKU dan keperluan mereka. Dalam kajian Mazlina Mahdzar et al, (2018) menyatakan Verve App sebagai salah satu aplikasi yang dibangunkan untuk membantu golongan OKU untuk memberikan navigasi jalan mereka kepada kemudahan sukan seperti stadium, gym dan kemudahan sukan mesra OKU yang berhampiran dengan mereka. Justeru itu, aplikasi ini akan membantu golongan OKU untuk mendapatkan maklumat terbaru berkenaan fasiliti sukan yang mesra OKU yang berhampiran mereka.

Kajian Azman Ab Rahman (2018) merumuskan bahawa golongan OKU layak untuk menerima zakat tertakluk kepada kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh syarak, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini penting kerana ijtihad kontemporari melihat ketetapan kriteria dan syarat yang lebih sesuai digunakan dalam menentukan kelayakan OKU menerima zakat apabila mereka memenuhi

syarat. Azman Ab Rahman et al, (2018) dalam kajiannya yang lain telah merumuskan bahawa terdapat isu-isu munakahat atau hukum nikah kahwin golongan OKU yang perlu diberi perhatian dan kelonggaran terutama dari aspek beberapa kelonggaran, tatacara dan syarat-syarat khusus yang telah ditetapkan oleh fiqh munakahat perlu dipertimbangkan. Azman Ab Rahman et al, (2020) menyatakan bahawa terdapat lima isu iaitu berkaitan akad nikah, taklik, cerai dan rujuk bagi golongan cacat pendengaran yang mempunyai hukum yang tersendiri bergantung kepada situasi itu sendiri. Dalam kajiannya juga menyatakan setiap isu perlu dijelaskan dengan baik kerana ia akan memberikan impak yang besar kepada golongan OKU dan mencadangkan untuk memberikan ilmu perkahwinan yang khusus kepada golongan OKU pendengaran. Manakala, Mohd Akram Dahaman et al, (2018) melalui kajiannya yang bertajuk Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kedudukannya Dalam Pengurusan Zakat Negeri Kedah Darul Aman menyatakan bahawa golongan OKU wajar untuk diletakkan dalam kategori khas bagi setiap golongan asnaf zakat. Ini kerana kos sara hidup, kos perubatan dan keperluan asas yang semakin tinggi menyebabkan bantuan kepada golongan OKU adalah penting dan sentiasa wujud. Berdasarkan hasil kajiannya juga golongan OKU di Kedah mengharapkan dan menjangkakan bantuan yang lebih menyeluruh dari Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Kajian Aizan Sofia et al, (2017) membuktikan bahawa keluarga memainkan peranan yang penting kepada kanak-kanak kurang upaya kerana kurangnya bantuan kebajikan dan keluarga yang memberi sokongan kepada kanak-kanak kurang upaya sangat sedikit dan ada kalanya langsung tiada. Selain itu, Noordeyana Tambi dan Nur Aqilah Hazan (2017) mendapati bahawa tahap pengetahuan mahasiswa terhadap golongan OKU adalah tinggi berbanding sikap yang ditunjukkan kepada golongan OKU. Secara umumnya, tahap pengetahuan mahasiswa mempunyai hubungan dengan tingkah laku atau layanan mereka kepada golongan OKU. Sikap mahasiswa terhadap golongan OKU juga bergantung kepada pengetahuan dan persekitaran mereka mengenai golongan OKU. Sekiranya pengetahuan yang tinggi mengenai OKU tetapi persekitaran yang negatif juga menyebabkan sikap terhadap golongan OKU adalah tidak baik. Kajian Norhasyikin Rozali et al. (2016) menunjukkan bahawa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh golongan OKU menyebabkan golongan tersebut sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Walau bagaimanapun, dengan kewujudan keusahawanan sosial, golongan OKU berpeluang untuk mendapat tempat dalam pasaran pekerjaan. Dengan itu, keusahawanan sosial akan memberikan impak yang positif kepada golongan OKU. Norsaadah et al, (2019) menerangkan dalam kajiannya berkenaan dengan hubungan sosial masyarakat terhadap golongan OKU iaitu beberapa bentuk layanan yang diterima oleh golongan OKU seperti persepsi masyarakat terhadap golongan OKU, bentuk keprihatinan masyarakat kepada golongan OKU seperti bantuan-bantuan khusus yang disalurkan kepada golongan OKU dan lain-lain. Seterusnya, Hazlin Falina et al, (2017) dalam kajiannya yang berjudul Realiti Penerimaan Masyarakat Terhadap Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia Dari Perspektif Media menjelaskan bahawa tahap kesedaran yang rendah disebabkan kurangnya pendedahan maklumat dalam media massa dalam kalangan masyarakat tentang kesamarataan hak, dikenal pasti sebagai suatu halangan kepada golongan OKU untuk terlibat secara penuh di dalam masyarakat. Oleh yang demikian, semua



pihak perlu berkerjasama agar tidak membuat pandangan yang prejudis kepada golongan OKU dalam segala perkara.

Kemudian, dalam kajian yang bertajuk Isu Pekerjaan Orang Kurang Upaya Pendengaran: Kajian Kes di Selangor, Mohhairil et al. (2018) mendapati bahawa antara isu utama dalam pekerjaan golongan OKU pendengaran adalah ketika temuduga dengan majikan kerana komunikasi dengan majikan adalah terhad. Prasarana di tempat kerja juga menjadikan satu halangan kepada golongan OKU pendengaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan sikap negatif masyarakat di tempat kerja. Manakala Hammad Saidi et al, (2018) menyatakan dalam kajiannya mengenai isu dan cabaran golongan OKU penglihatan dalam pekerjaan. Terdapat dua isu pekerjaan utama dihadapi oleh golongan OKU penglihatan di Malaysia iaitu peluang pekerjaan dan isu tempat kerja. Terdapat sembilan cabaran utama yang dikenalpasti sering dihadapi oleh OKU penglihatan dalam mendapatkan peluang pekerjaan iaitu kesan daripada ketakupayaan (*impairment effects*), usia, gender, tahap pendidikan, latihan dan program, keluarga, majikan, pengangkutan dan polis. Terdapat empat cabaran utama yang sering dialami OKU di tempat kerja iaitu isu mobiliti dan aksesibiliti, kemudahan teknologi, majikan dan rakan sekerja serta risiko keselamatan. Isu-isu ini menyebabkan dilema yang ketara bagi mereka untuk bekerja dan memberikan implikasi negatif seperti tertekan untuk mendapatkan pekerjaan dan mencari sumber rezeki untuk meneruskan kehidupan. Cabaran seperti kesan kecacatan, umur, jantina, tahap pendidikan, latihan vokasional dan kemahiran, keluarga, sikap negatif majikan, pengangkutan, kekurangan polisi penguatkuasaan dan persekitaran yang tidak kondusif di tempat kerja menjadi faktor utama yang menyumbang kepada isu pekerjaan kepada golongan OKU penglihatan di Malaysia.

Nur Aziyan dan Salmie Jemon (2018) dalam kajiannya menjelaskan bahawa program *Return To Work* (RTW) diwujudkan supaya dapat membantu golongan OKU diterima bekerja dalam kalangan majikan di Kota Kinabalu. Mereka merasakan dengan menyertai program RTW ni dapat membuka peluang kepada golongan OKU untuk kembali bekerja dengan lebih mudah berbanding sebelumnya. Hirwan Jasbir et al. (2017) merumuskan dalam kajiannya bahawa kadar upah sahaja yang mengikut spesifikasi peruntukkan yang telah diperuntukkan dalam Akta OKU 2008 manakala peluang kenaikan pangkat dan persekitaran tepat kerja masih tidak mengikut peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan. Dalam kajian Rizal Said dan Rosmawati Sulaiman (2018) faktor-faktor yang menyebabkan golongan OKU bekerja di *Johor Area Rehabilitation Organisation* (JARO) dikenalpasti. Keperluan dihargai dan menghargai merupakan faktor utama dan faktor seterusnya ialah keperluan sosial dan jaminan pekerjaan. Faktor yang paling kurang mendorong golongan OKU bekerja di JARO ialah keperluan kewangan. Zainora Mohammed et al. (2021) dalam kajiannya menjelaskan berkenaan pengalaman golongan OKU penglihatan dalam mencari pekerjaan. Kajian tersebut menunjukkan bahawa golongan OKU penglihatan mempunyai pengalaman mencari pekerjaan yang baik dan mempunyai pengalaman bekerja. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang dalam sokongan yang diberikan oleh pihak berkepentingan dan majikan kepada golongan OKU penglihatan.

Norita Azmi dan Salawati (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (CRPD) telah memberikan hak hidup untuk golongan OKU daripada tiga perspektif iaitu dalam aspek situasi berisiko, bantuan kemanusiaan, kehidupan bermasyarakat dan bermaruah serta penglibatan golongan OKU dalam parti politik atau pertubuhan lain. Akta OKU 2008 juga telah menegaskan bahawa hak untuk hidup OKU juga meliputi pelbagai aspek termasuk pekerjaan, bangunan, kesihatan, kebudayaan, perumahan, rehabilitasi dan sokongan masyarakat. Ini menunjukkan triti antarabangsa turut memainkan peranan penting untuk mempengaruhi penggubalan akta domestik selaras dengan Malaysia sebagai negara ahli bagi CRPD. Isu kesamarataan hak dalam golongan OKU sesuai dengan Konvensyen PBB terhadap hak-hak Orang Kurang Upaya (OKU) tahun 2008 dan ratifikasi konvensyen oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2010 diharapkan dapat meningkatkan kualiti kehidupan golongan OKU di negara ini seiring dengan perkembangan Malaysia. Menurut Zulazhar Tahir et al. (2020) kewujudan Akta 2008 dilihat seperti kurang berfungsi secara menyeluruh walaupun memperuntukkan pelbagai hak kepada golongan OKU tetapi masih lemah dalam penguatkuasaan. Selain itu, kekurangan dari segi infrastruktur yang mesra OKU walaupun hak kepada akses tersebut telah diperuntukkan dalam seksyen 26 Akta OKU 2008. Hirwan Jasbir et al. (2016) dalam kajiannya telah menjelaskan bahawa hak golongan OKU untuk bekerja telah dijelaskan secara umum di dalam Perlembagaan Persekutuan dan secara khusus di bawah Akta OKU 2008. Dengan kewujudan peruntukan di bawah Akta OKU 2008 golongan OKU juga berhak untuk mendapat pekerjaan. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan tersebut tidak bermakna sekiranya tiada penguatkuasaan terhadap peruntukan-peruntukan tersebut.

Kajian Yusri Chek et al. (2016) mendapati bahawa Darul Quran sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menawarkan pogram berasaskan kurikulum hafazan al-Quran dan telah memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan penyelidikan OKU penglihatan khususnya Al-Quran Braille. Ia termasuk perkongsian ilmu profesional dengan institusi luar, penyediaan program pengajian, pemantapan penyelidikan melalui program pengajian dengan institusi pengajian tinggi lain, menggiatkan dan memperkasakan penyelidikan berkaitan al-Quran Braille, dan sumbangan melalui graduan alumni Darul Quran. Menurut kajian Ummu Alias et al. (2019) yang bertajuk Kaedah-kaedah Bacaan Al-quran dalam kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran, banyak kaedah telah diperkenalkan untuk membantu golongan OKU pendengaran membaca al-Quran. Namun, tidak kira sama ada di peringkat kerajaan atau bukan kerajaan, kaedah bacaan al-Quran tidak dilaksanakan secara konsisten. Azman Ab Rahman et al. (2021) menyatakan dalam kajiannya, kaedah penentuan teknologi khusus yang sesuai digunakan oleh OKU dalam kategori Masalah Pembelajaran sebelum memulakan PdP (pengajaran dan pembelajaran) merupakan kaedah utama PdP pendidikan Islam semasa COVID-19. Cabaran utama PdP Pendidikan Islam pelajar OKU Masalah Pembelajaran ialah isu berkaitan kemudahan teknikal, komitmen pelajar dan ibu bapa, kemahiran dan kepakaran guru serta akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kerajaan Malaysia.

Kajian Anisah Jaafar et al. (2021) menunjukkan kejayaan pemulihan yang diperolehi melalui Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) adalah sangat kecil dan memerlukan penilaian bagi mengukuhkan pelaksanaan segala perancangan supaya dapat memberikan manfaat kepada kanak-kanak OKU. Kajian Izuli Dzulkifli et al. (2020) membuktikan bahawa guru mempunyai komunikasi yang tidak konsisten apabila menawarkan mata pelajaran pendidikan Islam kepada pelajar. Kekurangan kod atau simbol yang betul berkaitan pendidikan Islam dan kekurangan kemahiran menggunakan bahasa isyarat menjadi punca ketidakselarasan dalam komunikasi semasa guru menyampaikan topik kepada pelajar. Menurut kajian Rodhy Edward dan Manisah Ali (2020), terdapat lima faktor utama yang menghalang OKU daripada menyertai sukan iaitu peralatan sukan, masa, kesihatan, kemudahan dan polisi. Pihak berkuasa perlu menganjurkan pelbagai program untuk menarik penyertaan kumpulan OKU dan mencari penyokong kepada atlet OKU. Orang kurang upaya harus diberikan peluang dan layanan yang sama seperti atlet biasa untuk meminimumkan jurang antara kumpulan ini. Kajian Salmiah Salleh et al. (2017) menyatakan bahawa terdapat lima faedah menyertai program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) untuk murid pendidikan khas Kolej Komuniti Hulu Langat (KKHL). Faedah penyertaan termasuk pengalaman, kemudahan mengajar, kepelbagaian kurikulum, kemahiran guru dan peluang pekerjaan.

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR BERKAITAN GOLONGAN OKU

Hasil tinjauan literatur berkaitan golongan OKU mendapati bahawa banyak kajian yang telah dilakukan berkenaan golongan OKU dalam mengetengahkan isu, hak dan kemudahan kepada golongan OKU supaya boleh menjalani kehidupan seharian seperti masyarakat normal tanpa sebarang halangan dan masalah. Kajian-kajian tersebut boleh dirumuskan kepada beberapa isu utama bidang kajian berkaitan OKU iaitu fasiliti untuk OKU, hukum hakam fiqh berkaitan OKU, pendidikan OKU, perkahwinan OKU, pekerjaan, perundangan dan sosial.

Fasiliti

Terdapat 10 kajian berkaitan fasiliti yang telah dilakukan terhadap golongan OKU iaitu Sokongan yang Diperlukan Pelajar OKU Cacat Penglihatan di Universiti Awam Malaysia, Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksanaannya, Halangan Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) Penglihatan Di Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Wilayah Terengganu, Fasiliti di Stesen Monorel: Cabaran kepada Orang Kelainan Upaya, Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institut Memandu, Penyediaan Fasiliti Orang Kelainan Upaya (OKU) Di Masjid-Masjid Negeri Sembilan Ke Arah Masjid Mesra Pengguna, Aplikasi Mudah Alih Sistem Maklumat Geografi Bagi Penjagaan Kesihatan Orang Kurang Upaya, Penggunaan Aplikasi Verve App bagi Pengurusan Fasiliti Sukan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU), Analisa Kemudahan Orang Kurang Upaya Di Kolej Komuniti dan Halangan Fasiliti Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Di Institusi Pengajian Tinggi Di Lembah Klang. Antara tempat yang menjadi tumpuan kajian ialah institusi pengajian, masjid, stesen monorel,

sekolah memandu dan tempat-tempat awam memandangkan tempat-tempat tersebut merupakan tempat yang biasa diakses oleh golongan tersebut. Kajian-kajian tersebut menjelaskan sejauh mana fasiliti yang telah disediakan dan cabaran yang dihadapi bagi pihak tertentu bagi menyediakan fasiliti tersebut kepada golongan OKU. Berdasarkan kajian-kajian yang sedia ada, fasiliti yang disediakan terhadap golongan OKU masih rendah dan perlu meningkatkan kemudahan fasiliti yang mesra OKU agar membantu OKU dalam urusan harian.

Fiqh OKU

Kajian-kajian yang dilaksanakan berkenaan fiqh OKU menjelaskan kedudukan OKU dalam sesuatu keadaan mengikut hukum fiqh. Kajian berkaitan fiqh OKU tidak banyak berbanding tema-tema lain iaitu Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf *Ar-Riqab* Di Malaysia, Isu Fiqh Munakahat Golongan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Hukum, Kecacatan Sebagai Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia dan Orang Kurang Upaya (OKU) Dan Kedudukannya Dalam Pengurusan Zakat Negeri Kedah Darul Aman. Antara isu yang dibincangkan dalam kajian fiqh OKU ialah menjelaskan kedudukan OKU dalam menerima zakat sebagai asnaf *Ar-riqab*, keadaan OKU yang membenarkan untuk menerima zakat dan isu fiqh dalam perkahwinan di kalangan golongan OKU. Melalui kajian-kajian ini, golongan OKU dapat mengetahui kedudukan dan hak mereka untuk menerima agihan zakat serta status hukum fiqh berkaitan perkahwinan termasuk juga perceraian. Ini kerana, isu fiqh dalam perkahwinan OKU adalah berbeza berbanding dengan golongan normal kerana golongan OKU mempunyai hukum tersendiri bergantung kepada beberapa keadaan.

Pendidikan

Kebanyakan kajian pendidikan OKU dikhususkan kepada cara yang sesuai untuk menyampaikan ilmu kepada golongan OKU mengikut kepada jenis bidang ilmu yang ingin disampaikan. Kajian-kajiannya ialah Sumbangan Darul Quran (Jakim) Terhadap Pengajian al Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan, Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran, Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia, Tahap Kesiediaan Guru Mengajar Pelajar Kurang Upaya (OKU) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), Keberhasilan Pemulihan dalam Komuniti dan faktor berkaitan dengannya dalam kalangan kanak-kanak kurang upaya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Cabaran Komunikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam kepada Murid Kurang Upaya Pendengaran, Isu Penggunaan Ict Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Dan Institusi Pendidikan Sewaktu Covid-19, Pencapaian Akademik Pelajar Kurang Upaya Penglihatan Yang Mengikuti Program Pendidikan Khas, Pendidikan Bagi Komuniti Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia: Satu Analisis daripada Perspektif Sejarah, Penerokaan Kualitatif Terhadap Halangan Penglibatan Orang Kurang Upaya Dalam Sukan dan Faedah Penyertaan Program Pembelajaran



Sepanjang Hayat (PSH) Kepada Golongan OKU: Kajian Terhadap Guru Peserta Pendidikan Khas Integrasi Di Kolej Komuniti Hulu Langat (KKHL). Antara bidang kajian tersebut ialah Pendidikan Islam dan al-Quran bagi golongan OKU penglihatan dan pendengaran. Selain itu, terdapat kajian mengenai pendidikan terhadap golongan OKU dengan menggunakan teknologi juga telah dilaksanakan seperti menggunakan peranti dalam pembelajaran. Dengan kajian-kajian tersebut dapat mengenalpasti cabaran yang dihadapi golongan OKU, ibu bapa dan para pendidik dalam menyampaikan ilmu kepada golongan OKU berdasarkan kategori OKU.

Perkahwinan OKU

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dilakukan, terdapat dua kajian yang telah dilakukan mengenai perkahwinan OKU iaitu *Munakahat Issues Among People with Hearing Disability* dan Faktor Pembubaran Perkahwinan di antara Pasangan OKU Pendengaran Di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Kajian tersebut menjelaskan berkenaan isu perkahwinan bagi golongan OKU pendengaran melibatkan lima isu berkaitan akad nikah bagi golongan cacat pendengaran yang mempunyai hukum yang tersendiri bergantung kepada situasi itu sendiri dan faktor pembubaran perkahwinan di kalangan golongan OKU pendengaran ialah masalah komunikasi, kurang pendedahan perundangan perkahwinan, campur tangan ahli keluarga, tiada kursus pasca perkahwinan, kursus pra perkahwinan tidak sesuai dan tiada kursus semasa tempoh perkahwinan. Contohnya, isu suami mengisytarkan cerai tanpa mengetahui maksud. Dalam kajiannya juga merumuskan setiap isu perlu dijelaskan dengan baik kerana ia akan memberikan impak yang besar kepada golongan OKU seperti perceraian telah berlaku tanpa mereka sedari akibat suami telah mengisytarkan cerai tanpa mengetahui maksud.

Pekerjaan

Banyak kajian yang dilakukan terhadap golongan OKU berkaitan pekerjaan. Tujuh kajian yang telah dilaksanakan bagi mengupas isu pekerjaan yang dihadapi oleh golongan OKU iaitu Isu Pekerjaan Orang Kurang Upaya Pendengaran: Kajian Kes di Selangor, Isu dan Cabaran Pekerjaan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia, Penglibatan Pekerja Kurang Upaya Dalam Program Return To Work (RTW), PERKESO, Amalan Pengurusan Pekerja Kurang Upaya dalam Sesebuah Organisasi Berdasarkan Undang-undang di Malaysia, Faktor-Faktor Yang Mendorong Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Bekerja Di Jaro (*Johor Area Rehabilitation Organisation*), Cabaran OKU Untuk Mendapatkan Pekerjaan dan Hubungkait Dengan Majikan dan Pengalaman Mencari Pekerjaan dan Pengalaman Bekerja dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Lembah Klang. Kebanyakan kajian menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU dalam mendapatkan pekerjaan dan cabaran dalam melakukan pekerjaan tersebut serta persekitarannya. Kebanyakan kajian lepas juga hanya memfokuskan kepada golongan OKU penglihatan dan pendengaran sahaja dan golongan OKU penglihatan dan pendengaran menghadapi cabaran yang lebih berbanding kategori OKU yang lain. Walaubagaimanapun, golongan OKU lain tidak boleh diketepikan dari sudut pekerjaan. Keperluan mereka perlu dikaji supaya adanya



penambahbaikan dari sudut peluang pekerjaan, prasarana pekerjaan dan kemudahan pekerjaan.

Perundangan

Kajian berkaitan golongan OKU juga melibatkan kajian perundangan yang kebanyakannya mengemukakan isu-isu hak dan kedudukan golongan OKU dalam undang-undang bertulis di Malaysia seperti Akta OKU 2008. Kajian-kajian tersebut juga menjelaskan peruntukan-peruntukan berkenaan dengan golongan OKU dan kesan wujudnya peruntukan-peruntukan tersebut. Kajian-kajiannya ialah Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan Di Malaysia, Ratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Kurang Upaya: Implikasi Dan Realiti Dari Dimensi Perundangan Dan Kesamarataan, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Hak untuk Hidup: Satu Analisis Perundangan di Malaysia dan Undang-Undang di Malaysia dan Jaminan Hak Orang Kurang Upaya untuk Bekerja. Dengan adanya kajian berkaitan perundangan golongan OKU ini boleh memberikan hak yang sepatutnya kepada golongan OKU dan membuka mata banyak pihak bagi menyediakan keperluan yang membantu golongan OKU dalam kehidupan seharian.

Sosial

Kebanyakan kajian lepas yang bertemakan hubungan sosial golongan OKU banyak membincangkan isu berkaitan layanan dan penerimaan masyarakat normal terhadap golongan OKU. Kajian-kajiannya ialah Peranan Keluarga dalam Kehidupan Kanak-Kanak Kurang Upaya Malaysia, Keusahawanan Sosial Dalam Atasi Masalah Peluang Pekerjaan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU), Hubungan Sosial Masyarakat terhadap Orang Kurang Upaya di Malaysia, Hubungan Antara Pengetahuan Dan Sikap Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Golongan Orang Kurang Upaya dan Realiti Penerimaan Masyarakat Terhadap Orang Kelainan Upaya (OKU) Di Malaysia Dari Perspektif Media. Hubungan sosial golongan OKU ini juga memberikan kesan terhadap peluang pekerjaan bagi mereka. Kebanyakan hasil kajian menunjukkan tentang kurangnya kesedaran terhadap golongan OKU dan layanan yang diberikan kepada golongan tersebut tidak memuaskan dan menyatakan usaha yang perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kewujudan golongan OKU. Pengkaji-pengkaji lepas juga berpandangan bahawa terdapat potensi untuk kajian lain untuk OKU yang lebih penting seperti kaedah komunikasi atau pendekatan terbaik untuk mendekati mereka.

CADANGAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, terdapat beberapa kelompongan terhadap kajian-kajian lepas berkaitan golongan OKU yang sedia ada. Kajian-kajian pada masa akan datang adalah penting bagi memastikan keperluan dan hak OKU sentiasa dipenuhi. Beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan antaranya ialah kajian yang kurang dilaksanakan terhadap golongan OKU ialah perkahwinan

golongan OKU. Perkara ini jarang disentuh oleh pengkaji-pengkaji lepas. Isu perkahwinan di kalangan golongan OKU adalah penting untuk dikaji bagi mengenalpasti cabaran dan permasalahan yang di hadapi oleh golongan OKU dalam perkahwinan. Selain itu, hukum hakam atau isu fiqh berkaitan dengan semua jenis kategori OKU juga merupakan kelompondangan yang wujud. Kajian yang ada kebanyakannya dikhususkan bagi sesetengah kategori sahaja iaitu OKU pendengaran. Kajian-kajian berkaitan keperluan OKU selain OKU pendengaran dan penglihatan harus di ambil kira kerana kurang kajian berkaitan kategori OKU yang lain kecuali OKU pendengaran dan penglihatan. Disebabkan oleh itu, keperluan kategori OKU yang lain kurang mendapat perhatian oleh masyarakat normal kerana kurangnya penulisan atau pendedahan mengenainya. Oleh itu, terdapat beberapa persoalan atau kelompondangan dalam kajian-kajian lepas berkaitan golongan OKU yang boleh dikaji pada masa akan datang. Kajian-kajian akan datang adalah penting bagi memastikan golongan OKU tidak diabaikan dalam segenap aspek.

KESIMPULAN

Golongan OKU memiliki perbezaan fizikal dan ciri-ciri zahir yang lain berbanding golongan normal tetapi hak kehidupan mereka tidak boleh dinafikan. Golongan OKU perlu mendapat hak yang sepatutnya mengikut kepada keperluan dan jenis kategori OKU kerana setiap OKU mempunyai hak dan keperluan yang berbeza. Kajian-kajian berkaitan golongan OKU boleh dibahagikan kepada beberapa tema mengikut fokus kajian ini iaitu fasiliti, fiqh OKU, pendidikan, perkahwinan OKU, pekerjaan, perundangan dan sosial. Artikel ini juga telah mencadangkan kajian-kajian lanjutan yang berpotensi untuk diterokai iaitu kajian berkenaan perkahwinan OKU khususnya dalam cabaran dan permasalahan yang dihadapi mereka dalam perkahwinan, hukum hakam dan isu fiqh berkaitan semua jenis kategori OKU, keperluan dan hak terhadap semua kategori OKU kecuali OKU pendengaran dan penglihatan kerana telah banyak kajian berkenaan hak dan keperluan golongan OKU tersebut.

RUJUKAN

- Ab Rahman,A. 2018. *Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf Ar-Riqab Di Malaysia*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Vol 12, 37-54.
- Ab Rahman, A., Ghani,N.A., Zakaria,M.A., Faisal,M.J. 2020. *Munakahat Issues Among People with Hearing Disability*. JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol. 4 (1), 1-10.
- Ab Rahman,A., Satiman,A., Thaidi,H.A., Ab Rahman, M.F. 2018. *Isu Fiqh Munakahat Golongan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Hukum*. 4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference. 159-170.
- Ab Rahman,A., Shamsuddin,S.S., Nozlan,N.N., Shakor,M.F., Sukari,A. 2021. *Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia*. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol 5, 127-138.



- Ab Rahman,A., Nozlan,N.N., Thaidi,H.A., Ab Rahman,M.F., Zakaria,M.A. 2021. *Isu Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Dan Institusi Pendidikan Sewaktu Covid-19*. 373-386.
- Alias,U.M., Ishak,H., Mohamad,S. 2019. *Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran*. Jurnal al-turath. Vol 4, No 2, 59-67.
- Al Zuhayli,W. (2005) *Haq al Hurriyyah fi al 'Alam*, Damsyiq: Dar al Fikr.
- Amin,A.S., Manap,J., Akhir,N.M. 2016. *Peranan Keluarga dalam Kehidupan Kanak-Kanak Kurang Upaya Malaysia*. Akademika 86(1), 21-30.
- Azmin,N., M Basir,S. 2020. *Ratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Kurang Upaya: Implikasi Dan Realiti Dari Dimensi Perundangan Dan Kesamarataan*. Jurnal Undang-undang Malaysia. 32(2), 297-319.
- Bakar,A.L., Ishak,H., Puji,I.Z. 2017. *Halangan Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) Penglihatan Di Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis)*. Jurnal Ulwan. Jilid 1, 43-62.
- Chek,Y., Mohamad,S. 2016. *Sumbangan Darul Quran (JAKIM) Terhadap Pengajian al Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan*. Jurnal al-turath. Vol 1, No 2, 25-33.
- Dahaman,M.A., Ahmad,S., Cusairi,R.M., A Hamid,S., Ahmad,K. 2018. *Orang Kurang Upaya (OKU) Dan Kedudukannya Dalam Pengurusan Zakat Negeri Kedah Darul Aman*. Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara. 368-382.
- Din,N., Talib,H., Ibrahim,S.Z., M Yusuf,S.A. 2019. *Hubungan Sosial Masyarakat terhadap Orang Kurang Upaya di Malaysia*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Vol 6 Bil, 279-291.
- Disa.M.N. (2012). *Hak Asasi & Kebebasan Diri Perspektif Syara' Dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan*. (kertas kerja dibentangkan di Seminar Pemikiran Liberalisme & Pragmatisme anjuran JAIS di INTEKMA, Shah Alam, pada 28 Jun 2012).
- Dzulkifli,I., Suhid,A., M Fakhruddin,F., Ahmad,N.A. 2020. *Cabaran Komunikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam kepada Murid Kurang Upaya Pendengaran*. International Journal of Islamic Thought. Vol 18, 13-26.
- Esa,E., Ismail,A.S. 2020. *Analisa Kemudahan Orang Kurang Upaya Di Kolej Komuniti*. International Journal of Social Science Research. Vol 2, No 4, 350-363.
- Isaruddin,M., Lokman,M.W., Amin,A.S. 2018. *Isu Pekerjaan Orang Kurang Upaya Pendengaran: Kajian Kes di Selangor*. Jurnal Wacana Sarjana. Vol 2(2), 1-10.
- Isaruddin,M., Amin,A.S., Aun,N.S. 2021. *Sokongan Psikologi dalam Perniagaan kepada Usahawan Belia Kurang Upaya Fizikal*. Jurnal Psikologi Malaysia. 35(1), 74- 86.



- Ismail,M.F., A Ghani,N. 2017. *Sokongan yang Diperlukan Pelajar OKU Cacat Penglihatan di Universiti Awam Malaysia*. Proceeding Of International Conference on Empowering Islamic Civilization. 281-287.
- Jaafar,N.A., Nordin,N.A., Aljunid,S.M. 2021. *Keberhasilan Pemulihan dalam Komuniti dan faktor berkaitan dengannya dalam kalangan kanak-kanak kurang upaya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia*. Jurnal Sains Kesihatan Malaysia. 19(1), 177-185.
- Jaafar,H.J., A Wahab,H., Yaacob,N. 2016. *Undang-Undang di Malaysia dan Jaminan Hak Orang Kurang Upaya untuk Bekerja*. Jurnal Pembangunan Sosial. Jilid 19 Bil 3, 57-68.
- Jaafar,H.J., A Wahab,H., Yaacob,N. 2017. *Amalan Pengurusan Pekerja Kurang Upaya dalam Sesebuah Organisasi Berdasarkan Undang-undang di Malaysia*. Jurnal Pengurusan. 51, 135-146.
- Jalin,R.E., M Ali,M. 2020. *Penerokaan Kualitatif Terhadap Halangan Penglibatan Orang Kurang Upaya Dalam Sukan*. Jurnal Dunia Pendidikan. Vol 2, No2, 65-75.
- Jauhari,D.A., Latiffi,A.A. 2021. *Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institut Memandu*. Research in Management of Technology and Business. Vol 2, No 1, 1034-1050.
- Mahdzar,M., M Yunus, M.A.H., A Halim,N.I., Z Abiddin,S.Z. 2018. *Penggunaan Aplikasi Verve App bagi Pengurusan Fasiliti Sukan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)*. Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM). 83-92.
- Md Yusoff,Y., Awang,A. 2019. *Kepentingan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Diri Orang Kelainan Upaya (OKU) Kategori Bermasalah Pembelajaran*. Jurnal Usuluddin 47 (Khas). 105-118.
- M Kusrin,Z., Sha'ari,N.S.A. 2020. *Pelaksanaan Kursus Pra- Perkahwinan Islam Untuk Golongan OKU Pendengaran di Malaysia*. Journal Al-Irsyad. Vol. 5, No. 1, 285-292.
- M Said,M.R., Sulaiman,R. 2017. *Faktor-Faktor Yang Mendorong Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Bekerja Di Jaro*. 1-10.
- M Salleh,S., W Mohamed,W.N.E., M Yunus,Y. 2017. *Faedah Penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Kepada Golongan OKU: Kajian Terhadap Guru Peserta Pendidikan Khas Integrasi Di Kolej Komuniti Hulu Langat (KKHL)*. Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning. Vol 1, No 1, 60-71.
- M Surani, H., M Yassin,A., Masram,H. 2020. *Fasiliti di Stesen Monorel: Cabaran kepada Orang Kelainan Upaya*. Research in Management of Technology and Business. Vol 1, No 1, 767-781.
- Mohamed,S., Ismail,M.Z., Sulistyanto,D. 2020. *Penyediaan Fasiliti Orang Kelainan Upaya (OKU) Di Masjid-Masjid Negeri Sembilan Ke Arah Masjid Mesra Pengguna*. Journal of Human Capital Development. Vol 3, No 2, 75-88.



- Mohamad,S.P., M Yusoff,Z., Adli,D. 2014. *Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis Dari Sumber Tradisi Islam*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Bil. 8, 153-166.
- Mohammed,Z., Azhar,N.A., M Ludin,N.I. 2021. *Pengalaman Mencari Pekerjaan dan Pengalaman Bekerja dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Lembah Klang*. The Malaysian Journal of Social Administration. 15, 85-101.
- Nor,S.M., Rashed,Z.N. 2018. *Peranan Dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran Dalam Abad Ke 21*. JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 1 (1) June 2018, no ISSN 2590-3799, 1-8.
- Nor,S.M., Rashed,Z.N. 2020. *Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksanaannya*. JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol. 4 (1), 19-27.
- Rasam,R., Azlin,H., Aiman,N., Idris,A., & Romeyu,N. 2020. *Aplikasi Mudah Alih Sistem Maklumat Geografi Bagi Penjagaan Kesihatan Orang Kurang*. Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA. 87-99.
- Roslin,H.F., W Mahmud,W.A., Mahbob,M.H. 2016. *Peranan Media Sebagai Alat Kesedaran Sosial Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Di Malaysia*. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication. Jilid 32 (2), 471-488.
- Roslin,H.F., A Sabri,S. 2017. *Halangan Fasiliti Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Di Institusi Pengajian Tinggi Di Lembah Klang*. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled. Vol 2, 94-99.
- Roslin,H.F., W Mahmud,W.A., Mahbob,M.H. 2017. *Realiti Penerimaan Masyarakat Terhadap Orang Kelainan Upaya (OKU) Di Malaysia Dari Perspektif Media*. Prosiding The International Conference on Media And Communication. Putrajaya, 1-12.
- Rozali,N., Yaacob,B., Manshor,Z., Abdullah,S., Bahari,A. 2016. *Keusahawanan Sosial Dalam Atasi Masalah Peluang Perkerjaan Golongan Orang Kurang Upaya (Oku)*. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship. Vol 2 no 4, 22-29.
- R Z Badri,R.N.F., Amin,A.S. 2018. *Isu dan Cabaran Pelajar Kurang Upaya Penglihatan di Institusi Pengajian Tinggi*. Jurnal Psikologi Malaysia. 32(3), 132-146.
- Saidi,H., Amin,A.S., Aun,N.S., Selamat,M.N., M Nor, M.I.H. 2018. *Isu dan Cabaran Pekerjaan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia*. Jurnal Psikologi Malaysia. 32, 55-65.
- Sima,N.A., Jemon,S. 2018. *Penglibatan Pekerja Kurang Upaya Dalam Program Return To Work (Rtw), Perkeso*. Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. 21-32.
- Tahir,Z., Thambapillay,S., M Yusoff,J.Z., A Rahman,A.S. 2020. *Undang-Undang Berkenaan Orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundangan Di Malaysia*. Journal of Social Administration. 14, 96-114.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>

Tambi, N., Hazan, N.A.N. 2017. *Hubungan Antara Pengetahuan Dan Sikap Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Golongan Orang Kurang Upaya*. Journal of Social Sciences and Humanities. Special Issues 3, 1-12.